

# Ada penghasut pembangunan Langkawi: PM

BH - 4 NOV 1991

Oleh  
**AHMAD ZAINI**  
**KAMARUZZAMAN**



LANGKAWI, Ahad — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mendedahkan ada kumpulan tertentu dari Pulau Pinang yang menghasut penduduk Langkawi menghalang usaha kerajaan membangunkan pulau pelancongan itu.

Beliauberkata, kumpulan yang dipercayai dibiayai oleh negara asing itu bertindak sedemikian kerana sengaja mahu meruntuhkan ekonomi negara, khususnya Pulau Langkawi.

"Mereka tidak mempunyai kerja lain, kecuali menghasut dengan hasrat menggagalkan pembangunan Langkawi, termasuk Pamcran Udara dan Maritim Antarabangsa Langkawi 1991 (Lima 91) yang ber-

mula 11 November ini," katanya di sini, hari ini.

Beliauberkata, kumpulan itu sering mengunjungi Langkawi dan menghasut penduduknya tidak menyokong projek pembangunan yang akan dilaksanakan oleh kerajaan.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, berikutan itu sesetengah penduduk Langkawi berkelakuan buruk dan sengaja meminta harga yang tinggi untuk projek pembangunan.

"Bagaimanapun, kita tidak akan mengambil tindakan, kerana negara ini mengamalkan sistem bebas.

"Tetapi, nampaknya penghasut itu tidak cintakan tanah air dan mereka sedia melacurkan diri, mereka," katanya.

Perdana Menteri bagaimanapun tidak menamakan kumpulan penghasut itu.

Beliauberkata: "Mereka jugabukan orang politik tetapi menyokong parti pembangkang."

Sehubungan itu, beliau menasihatkan penduduk Langkawi supaya titlak metayan hasutan kumpulan itu, kerana ia akan menghalang pembangunan dan menjejaskan kemajuan pelancong.

"Jika penduduk Langkawi terpengaruh dengan hasutan kumpulan itu, mereka sentiliri yang akan menderita," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, penduduk Langkawi sebaliknya hat-us bersyukur berikutan kemewahan yang dinikmati hasil pelbagai projek pembangunan.

Menurutnya, kebanyakan penduduk Langkawi kini mempunyai rumah batu, manakala taraf hidup mereka semakin meningkat berikutan pembangunan pesat di pulau ini.